

## Lampiran 6: Keratan Akhbar Berkenaan Pesta Buku Kebangsaan Kuala Lumpur

Kosmo, Khamis 17 APRIL 2014

### 1.6 juta pengunjung bakal banjiri PBAKL 2014

**KUALA LUMPUR** - Lebih 1.6 juta pengunjung dijangka membanjiri Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2014 kali ke-33 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula 24 April hingga 4 Mei ini.

Pengerusi Seranta, Komunikasi dan Data Buku PBAKL, Ishak Hamzah berkata, beberapa segmen baharu bakal diadakan termasuk penganjuran Hentian Rehat & Baca (R&B), Dunia Komik dan Novel serta Anjung Selera yang mengajak pengunjung menikmati pelbagai juadah sambil membaca.

"Bagi Hentian R&B, konsep

yang diketengahkan ialah orang ramai berehat sambil membaca buku di sudut yang disediakan sebelum membeli.

"Kepada peminat novel dan komik pula, kesemua buku kategori itu boleh didapati dalam satu ruang khas di dalam dewan," katanya ketika ditemui selepas membuat kunjungan ke Ibu Pejabat *Kosmo!* di Jalan Chan Sow Lin di sini semalam.

Ketibaan Ishak disambut Pengarang *Kosmo!*, Datuk Baharom Mahusin.

Sempena PBAKL ini juga, Ismail memberitahu, pameran da-

ngangan buku yang dikenali sebagai Pusat Dagangan Hak Cipta Kuala Lumpur (KLTC) turut diadakan pada 22 hingga 24 April nanti.

"KLTC merupakan pameran jualan dan belian hak cipta buku antara penerbit dan wakil agensi sastera dari dalam dan luar negara. Ia juga merupakan pameran buku yang sama kategori dengan *Frankfurt Book Fair*, *London Book Fair* dan pameran dagangan buku antarabangsa yang lain," katanya.

Ujar Ishak, pada penganjuran kali ini, sebanyak 918 gerai buku dengan penyertaan 241 syarikat penerbitan buku tempatan dan antarabangsa termasuk dari Singapura, Indonesia, Brunei, Amerika Syarikat dan banyak lagi.



ISHAK (tiga dari kanan) menyerahkan poster PBAKL 2014 kepada Baharom (tengah) ketika hadir ke pejabat *Kosmo!*, Kuala Lumpur semalam.

Berita Harian, Khamis 17 APRIL 2014

### 2 juta bakal kunjungi pesta buku

» Disertai 241 syarikat penerbitan tempatan, luar negara

Oleh Siti Haliza Yusop  
shyusop@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**esta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2014 (PBAKL 14) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, dijangka menarik sehingga dua juta pengunjung sepanjang 11 hari pameran itu yang bermula 24 April ini.

Pesta buku terbesar negara an-

jurkan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan Kementerian Pendidikan yang memasuki siri ke-33, akan disertai 241 syarikat penerbitan tempatan dan antarabangsa termasuk dari Australia, Syria, Lubnan, United Kingdom serta Amerika Syarikat.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola PBAKL 14, Abd Wahab Ibrahim, berkata buat pertama kalinya Aras 4 PWTC akan dijadikan sebahagian tarikan PBAKL 14 dalam usaha memastikan keselesaan pengunjung sepanjang pesta itu.

Aras 4 yang menempatkan Dewan Merdeka serta Dewan Tun Razak 4, akan mempunyai tiga ruangan iaitu Hentian Rehat dan Baca (HRB), Dewan Pameran Buku serta Anjung Selera.

"Dewan Merdeka akan menempatkan 104 gerai berkonsepkan Dunia Novel dan Komik, ma-



Zainor (tiga dari kiri) bersama Abd Wahab (empat dari kanan) dan Pengerusi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, Ishak Hamzah (tiga dari kanan) menunjukkan poster promosi PBAKL 14 di Balai Berita, semalam.

(FOTO SADDAM YUSOF/BH)

#### Berkonsep santai

"Selain membaca pelbagai bahan bacaan disediakan Perbadanan Kota Buku di HRB yang berkonsepkan santai, pengunjung juga boleh menghilangkan keletihan

dengan berehat di situ.

"Semua pembaharuan ini bagi memastikan PBAKL 14 terus menjadi destinasi pilihan utama penggemar buku di negara ini," katanya ketika melakukan kunjungan ke Balai Berita di sini, semalam.

Kunjungan Jawatankuasa PBAKL 14 itu disambut Pengarang Eksekutif Mingguan/BH2, Zainor Said; Pengarang Pendi-

kan BH, Fazlenna Jaafar; Pengarang Berita Pendidikan BH, Ridzuan Yop serta Pengarang Sastera BH, Nazmi Yaakob.

Abd Wahab berkata, buat pertama kalinya juga PBAKL 14 menjelajah ke luar Lembah Klang dengan destinasi pertama di Pontian, Johor yang dirasmikan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan, baru-baru ini.

Punca pasaran buku merosot sejak kebelakangan ini

# Salah guna baucar buku 1M

Oleh NAWWAR ABDUL RAHIM  
peningang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 16 April - Pasaran buku di negara ini mengalami kemerosotan berikutan kegiatan penyalahgunaan Baucar Buku Malaysia (BBM) yang semakin serius sejak kebelakangan ini.

Menurut Pengerusi Majlis Industri Buku Malaysia (MIBC), Ishak Hamzah, keadaan tersebut berlaku akibat kewujudan 'omng tengah' yang tidak bertanggungjawab menyediakan platform kepada para peniaga barangan lain untuk menukarkan baucar buku tersebut.

"Mereka ini menjadi perantara untuk membantu peniaga-peniaga membuat tawaran kepada pelajar menukarkan baucar buku mereka dengan barangan lain termasuk cemris mata, telefon pintar serta keperluan lain.

"Perkara ini secara tidak langsung telah membantutkan hasil kerajaan dalam membantu meningkatkan prestasi pelajar dan memberi rangsangan kepada industri buku dalam negara," katanya ketika ditemui semasa membuat kunjungan hormat terhadap Penolong Ketua Pengarang 1 Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Zaini Hassan di Ibu Pejabat Utusan Melayu di sini hari ini.

Kunjungan itu bagi menyerahkan jemputan rasmi kepada Utusan Malaysia sebagai rakan media Pesta Buku



**PENOLONG** Pengarah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Ahmad Fadli Abd Aziz (depan tiga kanan) menyerahkan poster sebagai simbolik jemputan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur kepada Zaini Hassan ketika berkunjung ke Ibu Pejabat Utusan Melayu di Kuala Lumpur 2014, semalam. Turut kelihatan Pengurus Jabatan Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Syed Agil Syed Jaafar (kiri) - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2014 di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) bermula 24 April hingga 4 Mei ini.

Tambah Ishak, penyalahgunaan baucar tersebut turut dapat dikesan di tapak-tapak pameran yang berlangsung di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

"Ia yang menghairankan perkara tersebut berlaku secara terbuka dalam pel-

bagai pameran seumpama 'baucar serbaguna' apabila pelajar bebas menukarkannya dengan barangan bukan akademik.

"Walaupun bahagian kewangan setiap institusi pengajian tinggi telah diberikan garis panduan yang jelas berhubung kegunaan baucar buku tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Ishak meminta kerajaan mengkaji semula prosedur pendaftaran syarikat-syarikat yang

dibenarkan menubuh baucar buku tersebut bagi mengelakkan perkara sama terulang.

Subunggan itu beliau menyarankan agar syarikat-syarikat yang bertafar perlu menjadi ahli lima persatuan utama di bawah MIBC iaitu Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Mabopa), Persatuan Penjual Buku Malaysia (MRA), Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM), Persatuan Pengeksport dan

Pengimport Buku Malaysia (MBEIA) serta Persatuan Penerbit dan Pengedar Buku Bumiputera (PPBBM).

Langkah tersebut, katanya, bagi memudahkan sesapa sahaja membuat semakan untuk mengenal pasti kesihatan syarikat yang dilantik adalah benar-benar layak menubuh baucar tersebut, sekali gus membendung kegiatan menyalahgunakan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

# Lebih sejuta disasar ke Pesta Buku Antarabangsa

**KUALA LUMPUR** 16 April - Lebih sejuta pengunjung dijangka melawat Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini yang akan berlangsung selama 11 hari, mulai 24 April ini.

Pengarah Urusetia Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) Abd Wahab Ibrahim berkata, sasaran itu berikutan beberapa pembaharuan dan penambahbaikan dilakukan sepanjang pesta berlangsung.

Beliau berkata, antara penambahbaikan itu ialah memperkenalkan konsep baharu seperti hentian Rehat dan Baca (R&BB) yang membolehkan para pengunjung bersantai sambil membaca.

"Hentian R&BB ini juga akan menyediakan pelbagai kemudahan lain untuk keselesaan pengunjung," katanya kepada Bernama selepas membuat kunjungan ke Wisma Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) di sini, hari ini.

Kunjungan turut disertai 15 urusetia PBAKL yang antara lain bertujuan menyampaikan undangan liputan dan memberi penerangan mengenai pesta buku itu.

Abd Wahab berkata, pada tahun lepas, pesta anjuran bersama MBKM, Kementerian Pendidikan dan Majlis Industri Buku Malaysia itu merekodkan kedatangan 1.8 juta pengunjung dari seluruh negara.

Pesta bertemakan Buku Menjana Kepintaran Kreatif itu memasuki edi-

si ke-23 dan menyediakan sebanyak 918 buah gerai, 214 pempamer dalam dan luar negara termasuk Singapura, Indonesia, Arab Saudi, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Katanya, penganjuran pesta buku terbesar di Malaysia itu turut memperkenalkan konsep 'Dunia Novel dan Komik' yang memudahkan peminat genre buku itu mendapatkan koleksi di bawah satu bumbung iaitu di Dewan Merdeka, PWTC.

Sempena PBAKL ini juga akan ber-

langsung pameran Kuala Lumpur Trade and Copyright Centre (KLTOC) mulai 22 hingga 24 April dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk jualan dan belian hak cipta buku dan seminar.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarang Perkhidmatan Berita Dalam Negeri Bernama, Datuk Zakaria Abd Wahab berkata, pihaknya sentiasa menyokong usaha yang dapat menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat negara ini. -BERNAMA